

## Dalam Negeri

# Lapangan terbang RM100j di Tioman

UM 30/10/2003 - 2 PRECISE

**P**UTRAJAYA 29 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyempurnakan upacara pecah tanah lapangan terbang baru Pulau Tioman dengan harapan projek tersebut dapat menarik lebih ramai pelancong ke pulau bebas cukai itu dan meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

Perdana Menteri berkata, lapangan terbang baru itu yang mampu menampung pendaratan pesawat Boeing 737 atau sekelasnya akan mempermudah perjalanan pelancong yang ingin menikmati keindahan Pulau Tioman.

Menurutnya, buat masa ini penerbangan ke pulau itu dilakukan dengan pesawat ringan dan kehadiran pelancong tidak optimum.

“Sebenarnya pulau ini amat cantik dan menarik

namun kalau cantik pun tetapi tidak dapat dinikmati tidak bermakna juga. Sebab itu kita cadangkan pembinaan lapangan terbang baru yang boleh menampung B737, ini boleh membawa lebih banyak pelancong melihat keindahan pulau itu,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pelancaran yang dilakukan secara maya dari Bangunan Perdana Putra di sini melalui persidangan video ke Pulau Tioman di Rompin, Pahang.

Dr. Mahathir yakin sebagaimana pembangunan di Pulau Langkawi telah berjaya menukar cara hidup penduduknya menjadi lebih sempurna, penduduk Pulau Tioman juga akan mendapat manfaat rancangan kerajaan menyemarakkan pulau itu sebagai produk pelancongan negara.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun untuk membolehkan keindahan Pulau Tioman dinikmati oleh pelancong, sebahagian kecil pulau itu terpaksa dikorbankan bagi pembinaan lapangan terbang baru.

“Dengan itu penduduk dapat hidup lebih selesa dan perniagaan akan lebih maju. Sebab itu kerajaan bersetuju membelanjakan wang yang agak banyak iaitu lebih RM100 juta untuk projek ini kerana yakin ia akan meningkatkan pendapatan penduduk di Pulau Tioman,” katanya.

Ketika bercakap kepada penduduk Pulau Tioman melalui sidang video, Perdana Menteri percaya pemaju projek yang akan membangunkan pulau itu akan menitikberatkan penjagaan alam sekitar bagi memastikan keindahannya tidak tercemar.

“Saya harap Pulau Tioman akan dibangunkan dengan bijak dan tidak menghancurkan pantai, batu karang dan tumbuhan di sana. Ini akan dijaga dengan baik,” katanya.

Ketika berinteraksi dengan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaacob yang berada di Pulau Tioman, Dr. Mahathir turut mengingatkan kerajaan negeri supaya tidak meminggirkan pembangunan pulau itu dan pulau-pulau lain.

“Pahang ini Darul Makmur, jadi kalau setakat makmur di darat sahaja tetapi tidak di pulau..tak kenal,” katanya.

Beliau berharap pengisytiharan Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai akan menguntungkan rakyat tempatan dari aspek penurunan harga barangan.



**DR. MAHATHIR** Mohamad menyempurnakan upacara pecah tanah projek lapangan terbang baru Pulau Tioman secara maya dari Putrajaya, semalam, disaksikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Zaharah Shaari.